

UMP buka Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman

44 (Varstfi) 30/12/10 ms: 10

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) membuka lembaran baru menerusi pembukaan Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman (GACC) UMP bagi menyelaras semua aktiviti membabitkan pengajian program kejuruteraan Jerman di universiti ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata penubuhan GACC akan terus memperkasa agenda pengantarabangsaan UMP, terutama dalam menjalinkan hubungan kerjasama dengan universiti di Jerman, Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft (Hska).

"GACC bersedia membantu pelajar mempelajari bahasa Jerman, selain memberi peluang

mengikuti pengajian program kerjasama Dwilijazah (UMP-Hska) dan pembangunan kerjaya," katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis pembukaan pejabat GACC di UMP Gambang, baru-baru ini.

Majlis pembukaan pejabat GACC disempurnakan wakil Duta Besar Republik Federal Jerman, Andreas Lang. Turut hadir Prof Dr Maurice Andre Ketter mewakili Hska, Konsultan GACC, Brian Trenaman; Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Prof Dr Badhrulhisham Abdul Aziz; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Prof Dr Shamsudin Baharin.

Prof Daing Nasir berkata, kerjasama dengan Hska dalam pengajian program itu dapat memberi manfaat dalam melahirkan jurutera yang berdaya saing dan memenuhi kehendak industri.

Pada masa sama, UMP turut menjalin hubungan baik dengan industri dan syarikat Jerman bagi membantu pembangunan kerjaya pelajar.

Pada majlis itu, UMP memeterai kerjasama dengan Syarikat SGL Carbon Malaysia (SGL) dalam penempatan pelajar industri. UMP diwakili Prof Daing Nasir dan SGL diwakili Pengurus Besar syarikat berkenaan, Lim Khiang Hua.

UMP juga dijangka akan menawarkan program ijazah berkembar dalam bidang automotif mulai tahun depan dan rundingan masih



DAING NASIR (kanan) mewakili UMP dalam majlis menandatangani MoU dengan SGL Carbon Malaysia yang diwakili Pengurus Besar, Lim Khiang Hu.

dijalankan dengan pihak Hska.

Pengajian ijazah berkembar ini hasil kerjasama UMP dan Hska yang menandatangani memorandum persefahaman (MoU) sempena Forum Universiti-Industri 2010 pada pertengahan tahun ini.

Pelajar lepasan program itu bakal memperoleh dua ijazah yang diiktiraf daripada Engineering Accreditation Council (EAC) sebagai badan profesional yang mengiktiraf program kejuruteraan di Malaysia dan pihak Washington

Accord di Jerman.

Program ijazah kejuruteraan itu juga mendapat kerjasama daripada pihak GMI-German A Level Preparatory Programme (GAPP) dan International Education Centre (Intec, UiTM).